

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK**  
**KAWASAN : SEREMBAN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN LOKE SIEW FOKK (SEREMBAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan statistik kemalangan yang meragut nyawa di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kadar kemalangan di lebuhraya tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah purata kemalangan di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang direkodkan untuk tempoh dari tahun 2009 hingga bulan Jun 2014 ialah sebanyak 27 kes kemalangan sehari dengan purata jumlah kematian antara 0 hingga 1 orang. Manakala pecahan punca kemalangan di lebuhraya tersebut ialah disebabkan faktor manusia (86%), kenderaan (10%) dan persekitaran (4%). Dianggarkan purata sebanyak 1.2 juta kenderaan sehari menggunakan Lebuhraya Utara Selatan, iaitu melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 848km.

Untuk mengurangkan risiko kemalangan pula, kementerian ini melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama pihak konsesi PLUS telah melaksanakan beberapa penambahbaikan keselamatan melibatkan skop mitigasi kejuruteraan jalan seperti berikut:

1. Pemasangan penanda jalan baru / tambahan;
2. Melaksanakan penambahbaikan penanda jalan menerusi piawaian baru yang telah ditetapkan oleh pihak LLM;
3. Menambahbaik pavemen jalan menerusi penggunaan teknologi seperti ‘porous asphalt’, ‘micro surfacing’, ‘whisper grip’, ‘vibra line’ dan ‘gap graded’;
4. Memasang jalur keselamatan khas anti licin;
5. Memasang pemantul cahaya khas dan berkualiti tinggi yang digunakan oleh negara-negara maju;

6. Menaik taraf sistem penghadang jalan dan jambatan secara berperingkat; dan
7. Menambahbaik pagar sempadan bagi mengelak kecurian dan vandalisme.

Di samping itu penambahbaikan melibatkan skop mitigasi kejuruteraan jalan di atas, pemantauan dan usaha untuk mengurangkan kemalangan di lebuh raya juga dilaksanakan menerusi kaedah seperti berikut:

1. Pelantikan juru perunding keselamatan oleh pihak konsesi PLUS untuk melaksanakan audit keselamatan jalan di sepanjang lebuh raya berkenaan;
2. Kempen-kempen kesedaran tentang aspek keselamatan lebuh raya oleh PLUS;
3. LLM sebagai agensi kawal selia lebuh raya sentiasa memastikan semua kerja penyelenggaraan PLUS dilaksanakan mengikut tempoh masa dan piawaian yang ditetapkan; dan
4. Penetapan Indeks Prestasi Utama (KPI) kementerian ini untuk mengurangkan kes kemalangan di jalan persekutuan dan lebuh raya menerusi pelaksanaan program menaik taraf lokasi kerap berlaku kemalangan ('blackspots').

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat langkah intervensi yang bersesuaian akan terus dilaksanakan oleh kementerian ini dari semasa ke semasa bagi tujuan meminimumkan risiko kemalangan di jalan-jalan persekutuan dan lebuh raya.

Sekian. Terima kasih.